

4 beranak ditahan disyaki edar dadah

Alor Setar: Polis menahan seorang wanita berusia 50 tahun bersama tiga anaknya kerana disyaki terbabit dalam pengedaran dadah di sebuah rumah di Taman Sejati Indah, Sungai Petani, Isnin lalu.

Tiga anak wanita itu adalah dua lelaki yang berusia 25 dan 27 tahun serta anak perempuan berumur 24 tahun.

Timbalan Ketua Polis Kedah, Datuk Zakaria Yusoff, berkata sepasukan anggota polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda menyerbu rumah itu jam 5 pagi selepas menerima maklumat awam.

"Pemeriksaan menemui 7,750 gram heroin dan 91.22 gram syabu yang siap dipaket dalam rumah yang dianggarkan bernilai RM153,000," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Zakaria berkata, wanita itu dan anak perempuannya dibebaskan semalam dengan jaminan polis.

Tiada rekod jenayah

Dua lagi anak wanita itu direman hingga Ahad ini untuk siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Suspek dipercayai bergiat aktif sejak enam bulan lalu dan tidak memiliki rekod jenayah lampau," katanya.

Sementara itu, Zakaria berkata, seramai 55 warga asing yang dikurung di sebuah ru-



Zakaria (kiri) menunjukkan dadah jenis heroin dan syabu bernilai RM153,000 yang dirampas di Taman Sejati Indah dekat Sungai Petani, semalam.

[FOTO DANIAL NOORDIN/BH]

mah di taman perumahan di Sungai Petani, diselamatkan jam 10 malam Isnin lalu.

Tahan lima suspek

Daripada 55 warga asing itu, 41 adalah lelaki warga Myanmar, 10 warga Bangladesh dan tiga wanita Myanmar, dan seorang kanak-kanak perempuan. Me-

reka tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri.

Polis turut merampas sebuah PROTON Persona, wang tunai RM2,500 dan dua telefon bimbit dalam serbuan berkenaan.

"Kami turut menahan lima suspek dipercayai kumpulan penyeludup warga asing seki-

tar Sungai Petani dan Bukit Mertajam, Pulau Pinang," katanya.

Lima suspek berusia antara 20 hingga 30-an itu ditahan untuk siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 26 Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyaludupan Migran 2007.